



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (02 NOVEMBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **14 kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Kesemua kes tersebut adalah di Daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 906 kes.**

A. Kes COVID-19 Baharu

i. Kes Saringan Bagi Kontak Kluster Greenhill (5 Kes Baharu)

Terdapat lima (5) kes baharu yang dikesan melibatkan Kluster Greenhill. Perincian kes adalah seperti berikut:

- a) Satu (1) kes merupakan seorang wanita warga tempatan yang bekerja sebagai seorang pensyarah di sebuah institusi pengajian tinggi swasta di Kuching. Kes merupakan kontak kepada kes ke-868. Kes mengalami gejala sakit kepala.
- b) Satu (1) kes merupakan seorang lelaki warga tempatan yang merupakan ahli keluarga kes ke-875. Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala.

- c) Satu (1) kes merupakan seorang lelaki warga tempatan yang mempunyai kontak dengan kes ke-877. Kes ini mengalami gejala demam.

- d) Satu (1) kes merupakan wanita warga tempatan yang merupakan ahli keluarga kepada kes ke-818.

- e) Satu (1) kes lelaki warga tempatan yang bekerja di premis milik kes ke-869.

Kes-kes ini berumur dalam lingkungan 29 hingga 64 tahun. Kes-kes ini telah menjalani saringan antara 31 Oktober dan 1 November 2020. Keputusan ujian pada 1 November 2020 mendapati kesemua kes adalah positif COVID-19. Siasatan lanjut dan pengesanan kontak sedang giat dijalankan. Kes-kes ini telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

ii. Kes Saringan Kontak Kluster Wisma Saberka (3 Kes Baharu)

Terdapat tiga (3) kes yang dikesan melalui aktiviti saringan kontak kepada kes ke-884. Ketiga-tiga kes ini merupakan kontak tempat kerja yang menjalani saringan selepas kes ke-884 disahkan positif pada 1 November 2020. Perincian kes adalah seperti berikut:

- a) Satu (1) kes merupakan lelaki warga tempatan yang merupakan pekerja kepada kes ke-884. Kes ini mengalami gejala batuk dan sakit badan.

- b) Dua (2) kes merupakan lelaki warga tempatan yang merupakan pekerja di sebuah cawangan bagi syarikat yang sama di bandar Kuching. Kes-kes ini mempunyai sejarah berjumpa dengan kes ke-884 pada 27 hingga 29 Oktober 2020. Satu (1) daripada kes ini mengalami gejala demam.

Kes-kes ini berumur dalam 26 hingga 37 tahun. Kes-kes ini telah menjalani saringan di fasiliti kesihatan swasta pada 1 November 2020 dan keputusan ujian mendapati kesemua kes ini adalah positif COVID-19 pada hari yang sama. Siasatan lanjut dan pengesanan kontak sedang giat dijalankan. Kes-kes ini telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

iii. Kes Saringan Kendiri (4 Kes Baharu)

Terdapat empat (4) kes yang dikesan melalui saringan kendiri. Perincian kes adalah seperti berikut:

- a) Kes merupakan seorang lelaki warga tempatan yang menjalani saringan kendiri kerana mengalami gejala hilang deria bau. Kes telah menjalani saringan rT-PCR di sebuah fasiliti kesihatan swasta di Kuching pada 1 November 2020. Keputusan ujian mendapati kes adalah positif COVID-19 pada hari yang sama.

- b) Kes merupakan seorang wanita warga tempatan yang merupakan guru di sebuah pusat jagaan harian di bandar Kuching. Kes menjalani saringan rT-PCR di sebuah fasiliti kesihatan swasta di Kuching pada 1 November 2020. Keputusan ujian mendapati kes adalah positif COVID-19 pada hari yang sama.

- c) Kes merupakan seorang lelaki warga tempatan yang bekerja sebagai pegawai keselamatan di bandar Kuching. Kes menjalani saringan di fasiliti kesihatan kerajaan pada 31 Oktober 2020 dan keputusan ujian mendapati kes adalah positif COVID-19.

- d) Kes merupakan seorang tukang urut kaki warga China yang dikesan melalui saringan sendiri di sebuah fasiliti kesihatan swasta di Kuching untuk pulang ke negara asal. Kes menjalani saringan rT-PCR pada 1 November 2020. Keputusan ujian mendapati kes adalah positif COVID-19 pada hari yang sama. Kes tidak mengalami tanda dan gejala.

Keempat-empat kes tidak mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan berisiko jangkitan COVID-19 dan tidak mempunyai kontak dengan kes positif. Sehingga punca sebenar jangkitan dikenalpasti, kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

iv. Kes Saringan Pulang dari Kawasan Berisiko (1 Kes Baharu)(Kes Import-B)

Kes merupakan seorang lelaki warga tempatan yang mempunyai sejarah perjalanan ke Negeri Sembilan. Kes tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 21 Oktober 2020 dan telah diarahkan untuk menjalani kuarantin wajib 14 hari.

Kes menjalani saringan rT-PCR pertama pada 21 Oktober 2020 dan keputusan ujian mendapati kes adalah negatif COVID-19. Pada 31 Oktober 2020, kes telah menjalani saringan rT-PCR kedua dan keputusan ujian pada 1 November 2020 mendapati kes adalah positif COVID-19.

Kes tidak mempunyai sebarang tanda dan gejala. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes dikategorikan sebagai kes yang mendapat jangkitan di kawasan berisiko jangkitan COVID-19 (Import B).

v. Kes Saringan Masuk Kerja (1 Kes Baharu)

Kes merupakan seorang lelaki warga Indonesia yang menjalani saringan kerana ingin mula bekerja di sebuah premis makanan di Kuching. Kes menjalani saringan rT-PCR di sebuah fasiliti kesihatan swasta di Kuching pada 1 November 2020 dan keputusan ujian mendapati kes adalah positif COVID-19 pada hari yang sama.

Kes tidak mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan berisiko jangkitan COVID-19 dan tidak mempunyai kontak dengan kes positif. Sehingga punca sebenar jangkitan dikenalpasti, kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

B. Kluster Baharu yang Diisytiharkan

Hari ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ingin mengisytiharkan satu (1) kluster baharu iaitu Kluster Wisma Saberkas di Daerah Kuching. Kes ini melibatkan dua (2) premis yang berada dalam bangunan Wisma Saberkas. Kes mula dikesan apabila kes ke-866 menjalani saringan sendiri pada 26 Oktober 2020 kerana mengalami demam dan batuk. Susulan daripada pelaporan tersebut, tujuh (7) kes lagi dikesan melibatkan kluster ini.

Kes-kes ini dalam lingkungan umur 13 hingga 37 tahun, di mana satu (1) kes merupakan ahli keluarga dan enam (6) kontak tempat kerja. Ini menjadikan jumlah kes dalam kluster ini adalah seramai lapan (8) kes termasuk indeks kes.

Setakat jam 12:00 tengahari hari ini, 112 individu telah disaring melalui aktiviti pengesanan aktif yang sedang dijalankan di bangunan Saberkas.

Siasatan lanjut dan pengesanan kontak lain kepada kluster ini sedang giat dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dengan kerjasama agensi di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak untuk mengelak berlakunya perebakan yang lebih serius.

C. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.

Hari ini, satu (1) kluster baharu dilaporkan iaitu Kluster Wisma Saberkas di Daerah Kuching. Ini menjadikan terdapat enam (6) kluster yang masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

i) Kluster Baki di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai 30 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 2,943 individu telah disaring, dimana:

- 30 kes dikesan positif COVID-19;
- 1,949 individu negatif; dan
- 964 individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 1.02%. Sehingga 2 November 2020, jam 12:00 tengah hari, lima (5) kes telah sembuh dan didiscaj dari hospital manakala 25 kes masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

Seramai 845 individu telah menjalani saringan pertama melalui pengesanan secara aktif yang telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak di Kampung Haji Baki pada 25 Oktober 2020. 828 individu adalah negatif dan 17 individu adalah positif COVID-19.

Seramai 1,998 individu telah menjalani saringan melalui pengesanan secara aktif yang telah dijalankan dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD Kampung Haji Baki setakat 2 November 2020. 1034 adalah negatif manakala 964 individu masih menunggu keputusan makmal.

ii) Kluster Greenhill di Daerah Kuching.

Terdapat penambahan lima (5) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah 52 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 470 individu telah disaring, dimana:

- 52 kes dikesan positif COVID-19;
- 334 individu negatif; dan
- 84 individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 11.06%. Sehingga 2 November 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

iii) Kluster Wisma Saberkas di Daerah Kuching.

Terdapat penambahan tiga (3) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah lapan (8) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 130 individu telah disaring, dimana:

- 8 kes dikesan positif COVID-19;
- 10 individu negatif; dan
- 112 individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 6.15%. Sehingga 2 November 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

iv) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

v) Kluster Putra di Daerah Bintulu.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini seramai lima (5) orang termasuk kes indeks.

vi) Kluster Seladah di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai tujuh (7) orang termasuk kes indeks.

D. Status Kes COVID-19 di dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **lapan (8)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kesemua kes ini didiscaj dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah kekal seramai **761** orang atau **84.0%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **126** orang iaitu:

- 104 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- 17 kes di Hospital Miri;
- Tiga (3) kes di Hospital Bintulu, dan
- Dua (2) kes di Hospital Sibul.

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.10%**.

Hari ini **26 PUI** baru telah dilaporkan dan **dua (2)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, daerah Kuching kekal berstatus merah dengan jumlah keseluruhan seramai 100 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Lundu, Miri dan Limbang juga kekal berstatus kuning. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah satu (1) buah daerah, tiga (3) berstatus Kuning dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat hari ini dan beberapa cadangan dan nasihat oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak berhubung peningkatan kes positif di Daerah Kuching seperti berikut:

A. Pergerakan Antara Daerah

Rakyat Sarawak dinasihatkan agar untuk tidak melakukan perjalanan ke kawasan zon merah, terutamanya di daerah Kuching. Begitu juga dengan penduduk di daerah Kuching, tidak digalakkan untuk keluar dari daerah Kuching dalam tempoh dua (2) minggu ini.

B. Menggalakkan Pembelian Secara Bungkus (TAPAU)

Memandangkan kes-kes positif yang tinggi telah dilaporkan di daerah Kuching yang melibatkan kawasan Kafe dan Restoren, maka penduduk di daerah Kuching adalah dinasihatkan untuk membeli makanan secara bungkus (TAPAU).

C. Menggalakkan Bekerja Dari Rumah

Semua majikan dan Ketua Jabatan adalah digalakkan untuk membenarkan pekerja mereka berkerja dari rumah dalam tempoh dua (2) minggu ini sehingga arahan terbaharu dikeluarkan.

D. Kutipan Derma Bagi PKPD Haji Baki

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri ingin mengucapkan ribuan Terima kasih kepada semua penderma ke kawasan PKPD Haji Baki. Kepada semua NGO yang ingin membantu atau telah menyediakan talian bantuan mereka sendiri supaya untuk menghubungi pejabat Residen Kuching untuk mendapatkan persetujuan.

Amaran kepada orang ramai mengenai taktik penipuan penderma mengumpulkan derma dan lain-lain. Bagi badan bukan kerajaan (NGO) dan orang persendirian yang ingin untuk mengumpul derma, mereka harus mendapat izin dari pejabat Residen Kuching terlebih dahulu, sehingga kesahihan pemungut derma dapat disahkan dan pengedaran sumbangan dapat diselaraskan dengan teratur.

E. PERNIAGAAN YANG TERLIBAT UNTUK MEMBERI MAKLUMAT AWAM / PELANGGAN

JPBN ingin mengucapkan terima kasih kepada premis perniagaan yang mengambil tindakan proaktif dalam memberitahu pelanggan dan orang ramai berhubung dengan kes positif yang diketahui di premis mereka. Pemberitahuan penutupan premis mereka adalah untuk menjalani proses sanitasi agar premis mereka bebas dari COVID-19 setelah dikunjungi pelanggan yang didapati positif.

JPBN harap agar semua premis perniagaan dapat mengambil langkah yang sama untuk melindungi pelanggan dan orang ramai dalam menangani COVID-19.

3. TANGKAPAN PENDATANG ASING TANPA IZIN (DARI MARCH-OKTOBER 2020)

Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sarawak telah mengadakan sebanyak 550 operasi di seluruh Sarawak mulai Mac 2020 sehingga Oktober 2020. Seramai **2,274 PATI** telah ditangkap atas kesalahan seperti berikut:-

- i) 1,250 PATI tidak memiliki dokumen perjalanan dan pas yang sah;
- ii) 867 PATI tinggal lebih masa;
- iii) 92 PATI salah guna pas;
- iv) 42 PATI berkerja atas pas sosial; dan
- v) 23 PATI memiliki dokumen palsu atau pas palsu.

Seramai 175 PATI telah dikeluarkan kompaun; 910 PATI telah didakwa dan dijatuhi hukuman penjara; 202 PATI masih dalam siasatan dan reman dan 987 PATI telah diusir balik ke Negara asal.

Seramai 15 orang majikan telah dikompaun dan 8 orang majikan didakwa manakala seramai 22 tekong telah didakwa di Mahkamah.

Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sarawak meneruskan operasi berkala dan bersepadu di seluruh negeri Sarawak dan akan mengambil tindakan ke atas mana-mana majikan yang melanggar Akta Imigresen 1959/63.

4. LAPORAN NOTIS KOMPAUN / AMARAN / SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **21 kompaun** di Daerah Miri (9), Kuching (4), Padawan (3), Kota Samarahan (2), Song (2) dan Betong (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **129 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan DBKU (46), MPP (20), SMC (18), BDA (17), MD Serian (15), MBKS (6), MDDM (5), MPKS (1) dan MB Miri (1).

5. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini sebanyak **1,547 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (207), Restoran (277), Kilang (8), Bank (121), Pejabat Kerajaan (69), Penjaja (33), Pasar Tani/Awam (77), Tempat Ibadah (97), Tempat Riadah (51), Tapak Pembinaan (24) dan lain-lain (583).

Seramai **567 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (260), ATM (32), RELA (136), APM (84), PBT (38), KKM (8) dan lain-lain agensi (9).

6. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,496** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
02 NOVEMBER 2020
5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	892	Kes sedang dirawat di hospital	126	13.91%
Kes Baharu	14	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	147,228	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	906	Jumlah kes kematian	19	2.10%
IR per 100,000 penduduk	29.37	Kes telah sembuh dan discaj	761	84.00%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	13	9,232	26	10,140
Menunggu keputusan	2	2		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	104	2	3	17	0	126
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	8	0	0	0	8
	Kumulatif	631	39	46	43	761
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH MERAH (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	25	6,739	14	579	8	466	0	12	101	113	100
Jumlah		25	6,739	14	579	8	466	0	12	101	113	100

DAERAH KUNING (3)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lundu	0	258	0	4	0	3	0	0	1	1	1
2	Miri	0	860	0	47	0	30	0	1	16	16	7
3	Limbang	0	33	0	11	0	9	0	1	1	1	1
Jumlah		0	1151	0	62	0	42	0	2	18	18	9

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	1	576	0	114	0	109	0	4	1	1	0
2	Bintulu	0	316	0	49	0	46	0	0	3	3	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	0	120	0	17	0	15	0	0	2	2	0
5	Lawas	0	21	0	4	0	4	0	0	0	0	0
6	Serian	0	315	0	25	0	24	0	0	1	1	0
7	Bau	0	180	0	7	0	7	0	0	0	0	0
8	Simunjan	0	64	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	54	0	4	0	3	0	1	0	0	0
13	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	36	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		1	2,250	0	265	0	253	0	5	7	7	0

Jumlah Besar	26	10,140	14	906	8	761	0	19	126	138	109
---------------------	-----------	---------------	-----------	------------	----------	------------	----------	-----------	------------	------------	------------

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **110** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **24 buah hotel** adalah seramai **2,254 orang**. Manakala seramai **29,147 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 02.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,319)	Hock Lee	144
2		Kuching Park	147
3		Hilton	272
4		Harbour View	252
5		Riverside (Astana Wing)	181
6		Tune Hotel	102
7		Dormani Hotel	43
8		Grand Continental	178
9	Miri (516)	Mega Hotel	71
10		Imperial Palace	156
11		Eastwood Valley	56
12		Meritz	64
13		Miri	34
14		Dynasty	100
15		Citi Hotel	35
16	Bintulu (122)	Wasan Inn	17
17		Kidurong Inn	31
18		Motel Kapok	54
19		Faber Inn	20
20	Limbang (147)	Purnama	63
21		Seri Malaysia (Lawas)	66
22		Shangshan (Lawas)	0
23		Mandarin (Lawas)	18
24	Sibu (150)	Premier	150
Jumlah PUS			2,254

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **11 lokasi di Kuching (5), Bintulu (4) dan Miri (2)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,896 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 02.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	5	622
2	Miri	2	357
3	Sibu	TIADA	187
4	Samarahan	TIADA	125
5	Bintulu	4	120
6	Sarikei	TIADA	115
7	Limbang	TIADA	87
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	57
10	Sri Aman	TIADA	53
11	Kapit	TIADA	53
12	Mukah	TIADA	51
Jumlah Keseluruhan			1,896

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **34 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 02.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	2
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	5
4	MP Sibu	9
5	MCC	11
6	MD Marudi	3
7	MD Lawas	1
Jumlah		34